



**BENKEL PENCALONAN KEBAYA BERSAMA SINGAPURA, INDONESIA,
BRUNEI, THAILAND DAN FILIPINA DI BAWAH KATEGORI *REPRESENTATIVE
LIST OF THE INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE OF HUMANITY 2023***

DISEDIAKAN OLEH:

**CAWANGAN SENI HALUS DAN KRAF
BAHAGIAN WARISAN TIDAK KETARA**

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) dalam persediaan untuk mencalonkan kebaya sebagai Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2023. Ianya merupakan pencalonan bersama Singapura, Indonesia, Brunei, Thailand dan Filipina di bawah kategori *Representative List of The Intangible of Humanity*.

Sehubungan itu bengkel penyediaan bagi pencalonan kebaya ini telah diadakan pada 31 Mei hingga 1 Jun 2022 bertempat di Ibu Pejabat Jabatan Warisan Negara Kuala Lumpur. Ianya diadakan bagi memperkemas pengisian maklumat di dalam borang pencalonan *Representative List ICH-02* yang akan dihantar kepada jawatankuasa dan sekretariat UNESCO sebelum 31 Mac 2023. Bengkel secara dalaman ini melibatkan penyertaan daripada pegawai dan kakitangan Bahagian Warisan Tidak Ketara dengan diketuai oleh Pengarah Bahagian Warisan Tidak Ketara YBrs. Dr. Eyo Leng Yan.

Bengkel selama dua hari ini telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Bengkel seterusnya pula akan diadakan melibatkan pakar-pakar dan rakan strategik yang dilantik. Semasa bengkel itu nanti pakar-pakar yang dilantik akan menyemak segala maklumat yang telah diisi sebelum dihantar ke pihak sekretariat UNESCO.

Jabatan Warisan Negara berharap Malaysia akan melakar sejarah sekali lagi dalam memenangi kebaya kebaya bersama Singapura, Indonesia, Brunei, Thailand dan

Filipina di bawah kategori *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* .





